

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Sukan
Sent: Wednesday, November 7, 2018 4:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohamad Zaki bin Ahmad
Subject: Kejohanan SUKUUM 2018 Labuh Tirai



07 NOVEMBER 2018 / 29 SAFAR 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

KEJOHANAN SUKUUM 2018 LABUH TIRAI



PSUKAN ONLINE : Acara akhir aerobik menutup tirai Kejohanan Sukan Universiti Utara Malaysia (SUKUUM) Fasa 2, 2018 pada 2 November baru-baru ini yang telah berlangsung bermula pada 23 Oktober yang lalu.

Majlis Perasmian Penutup Kejohanan SUKUUUM 2018 telah diadakan di Stadium UUM dan disempurnakan oleh Pengarah Pusat Sukan Dr. Mohammad Zaki Bin Ahmad.

Beliau berkata kejohanan ini diharapkan menjadi platform untuk memastikan UUM terus unggul dalam kejohanan sukan yang lebih besar.

"Sukan pelajar ini merupakan kejohanan yang diadakan setiap tahun dan melalui kejohanan inilah kita dapat mencungkil bakat-bakat baru yang boleh mewakili UUM," ujarnya.

"Tahniah diucapkan bagi yang berjaya, bagi yang tidak berjaya jangan berputus asa, teruskan lagi usaha dan tingkatkan latihan secara individu dan berpasukan.

Dalam pada itu, johan bagi sukan aerobik dimenangi oleh Inasis Grantt, naib johan Inasis Bank Rakyat dan tempat ketiga bersama Inasis MAS dan MISC.

Sementara itu, empat acara sukan yang telah dipertandingkan di kejohanan ini iaitu, bola tampar lelaki, badminton (L/W), petanque (L/W) dan aerobik.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah Pusat Sukan dan turut sama menyampaikan hadiah Encik Tony Azman Bin Hassan, Ketua Penolong Setiausaha (KPSU), Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

=====
DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.